From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Tuesday, 2 August, 2022 10:38:40 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: LAWATAN PENANDA ARAS TINJAU AMALAN BAIK PUSAT KOKURIKULUM UUM

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

2 OGOS 2022 / 4 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan Gambar oleh: Pusat Kokurikulum UUM

LAWATAN PENANDA ARAS TINJAU AMALAN BAIK PUSAT KOKURIKULUM UUM



UUM ONLINE: Pusat Kokurikulum Universiti Utara Malaysia (UUM) telah berbesar hati menerima kunjungan delegasi dari Pusat Kokurikulum, Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan (FSGM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada 27 Julai 2022 yang lalu untuk lawatan penanda aras. Lawatan ini telah diketuai oleh Pengerusi Rancangan, Dr. Rita Mohd Said, Penolong Pendaftar Kanan, Mohamad Shabudin Mohamad Noor dan empat pegawai lain.

Dalam lawatan berkenaan, Pusat Kokurikulum UUM telah barkongsi tentang tadbir urus pusat berkenaan terutamanya hal-hal berkaitan dengan akademik, aktiviti, serta kemudahan yang disediakan yang disampaikan Pengarah Pusat Kokurikulum, Dr. Zaki Ahmad dan Timbalan-timbalan Pengarah, Prof. Madya Dr. Nik Ab. Halim Nik Abdullah dan Ts. Dr. Fazillah Mohmad Kamal.

Pada dasarnya, delegasi ini berhasrat untuk meninjau amalan baik yang diamalkan selama ini bagi memastikan kelancaran proses tadbir urus di Pusat Kokurikulum UUM di samping bertukar-tukar pandangan tentang isu-isu yang sering timbul berkaitan akademik kokurikulum.

Berlangsung dalam suasana santai dan mesra, perkongsian ini dilihat dapat mengeratkan perhubungan, serta memberi motivasi dan impak kepada kedua-duanya untuk memantapkan lagi kualiti pengurusan masing-masing. Sesi diakhiri dengan soal jawab dan penyampaian cenderahati daripada kedua-dua belah pihak.

Delegasi dari Pusat Kokurikulum FSGM UNIMAP itu kemudian dibawa mengunjungi kemudahan di sekitar bangunan Pusat Kokurikulum termasuk bilik caklempong, bilik gamelan, bilik menjahit dan rumah hijau sebelum bergerak pulang ke Perlis.

Semoga perkongsian serba sedikit daripada Pusat Kokurikulum UUM dapat membantu dalam meningkatkan sistem pengurusan Pusat Kokurikulum FSGM di samping memberi inspirasi kepada kedua-dua organisasi untuk bergerak maju ke hadapan.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.